

SOALAN NO. : 36

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 6 APRIL 2017 (KHAMIS)

NO. RUJUKAN :

SOALAN :

TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-

- (a) keluasan kawasan perambakan laut yang telah dijalankan oleh setiap negeri sejak tahun 2000 dan nyatakan syarat-syarat yang dikenakan oleh pemaju, kontraktor dan kerajaan negeri untuk menjalankan projek tambak laut ini; dan
- (b) adakah kelulusan telah diberi kepada negeri Melaka untuk penambakan laut di pantai pekan Umbai Melaka, keluasannya 450 ekar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Keluasan kawasan penambakan laut berdasarkan kepada Laporan EIA yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sejak tahun 2000 sehingga 2016 adalah 8395.66 hektar. Pemaju projek hendaklah mematuhi syarat-syarat kelulusan Laporan EIA yang antara lainnya mengandungi pelaksanaan langkah-langkah kawalan, pelan pengurusan alam sekitar, pematuhan kendiri (*self regulation*), audit alam sekeliling, pelaporan dan sebagainya.
- (b) Berdasarkan kepada semakan, JAS masih belum menerima Laporan EIA daripada pemaju projek berkenaan penambakan laut di pantai Pekan Umbai, Melaka yang berkeluasan 450 ekar. Sehubungan itu, tiada kelulusan terhadap Laporan EIA bagi cadangan projek tersebut yang dikeluarkan oleh JAS.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM. : 37

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

NO. RUJ. :

SOALAN :

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan telah membubarkan Majlis Tanah Negara (MTN) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Jika belum, apakah tindakan MTN untuk mengembalikan status Tanah Rizab Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan kini semakin terhakis.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Majlis Tanah Negara yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri masih kekal berfungsi sehingga kini. Majlis Tanah Negara yang diperuntukkan di bawah Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan, merupakan satu platform rundingan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi membentuk suatu dasar negara untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh Persekutuan bagi maksud perlombongan, pertanian, perhutanan atau apa-apa maksud lain.

Majlis Tanah Negara telah bersidang sebanyak 72 kali sejak mesyuaratnya yang pertama pada tahun 1958 sehingga mesyuarat yang terkini, pelbagai dasar diperkenalkan demi kepentingan rakyat.

Urusan Tanah Rizab Melayu terletak di bawah bidang kuasa negeri sepertimana yang disenaraikan dalam butiran 2(b) Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan selaras dengan pembahagian bidang kuasa perundangan yang ditetapkan dalam Perkara 74 Perlembagaan.

Dalam konteks Tanah Rizab Melayu, Majlis Tanah Negara yang ke-69 pada tahun 2013 telah memutuskan supaya sebuah pangkalan data diwujudkan bagi memastikan data Tanah Rizab Melayu diselaraskan dengan teratur. Tanah Rizab Melayu dilindungi di bawah peruntukan 89 Perlembagaan Persekutuan di mana semua pihak terutamanya kerajaan

negeri yang berkaitan harus melaksanakan prosedur gantian semula Tanah Rizab Melayu sekiranya berlaku sebarang pembatalan.

Dalam hal ini, NRE telah mewujudkan satu jawatankuasa pemandu di peringkat Persekutuan untuk menyelaras aktiviti pengurusan data Tanah Rizab Melayu dan menjadi platform perbincangan antara negeri-negeri dan Persekutuan untuk membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan Tanah Rizab Melayu dan perkongsian maklumat serta contoh amalan terbaik negeri-negeri.

Sekian, terima kasih.